



KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang berdaftar di dalam kelas/ bidang berkenaan dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk menjalankan kerja-kerja berikut:-


BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF SEBUTHARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK PROJEK	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
1	NO SEBUTHARGA: MPK/T/KA/2-2026 KERJA-KERJA MENAIKTARAF 240 UNIT TANGKI AIR DAN SISTEM RETIKULASI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BLOK H, BLOK I, BLOK J DAN BLOK K FLAT JALAN HAJI MANAN	CIDB Gred: G3 Kategori: B24 <i>Kerja Penyelenggaraan Bangunan</i>	Diiklan : 11/02/2026 (RABU) Tempat Dokumen Dijual : Dilaman web iperolehan.mpkluang.gov.my Daftar dan Pembaharuan Lesen: Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Kluang, Tingkat 3, Persiaran Utama, Bandar Primer, 86000 Kluang, Johor Tarikh Dokumen Boleh Diperolehi 13/02/2026 (JUMAAT) Hingga 20/02/2026 (JUMAAT)	13/02/2026 (JUMAAT) Pendaftaran : 10.00 Pagi Tempat Taklimat : Taman Permainan hadapan Blok K dan J, Flat Haji Manan Koordinat : (2.0355916, 103.3183382) Tempat Lawatan Tapak : Taman Permainan hadapan Blok K dan J, Flat Haji Manan Nota: Taklimat dan Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN HANYA KONTRAKTOR YANG HADIR TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK SAHAJA DIBENARKAN MEMBELI DOKUMEN SEBUTHARGA TAWARAN	Tarikh Tutup: 20/02/2026 (JUMAAT) Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari Tempat Tawaran Ditutup:- Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Kluang, Tingkat 3, Persiaran Utama, Bandar Primer, 86000 Kluang, Johor <u>DOKUMEN SEBUTHARGA YANG LEWAT DITERIMA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN</u>

Perihal taklimat dan lawatan tapak :-

- i) Kontraktor dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal dan salinan bagi ketiga-tiga sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB dan CIDB Perolehan Kerja Kerajaan) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera semasa Pendaftaran Taklimat dan Lawatan Tapak.
- ii) Taklimat dan Lawatan Tapak **TIDAK BOLEH MEWAKILIKAN PEGAWAI LAIN**, hanya penama di dalam sijil disebut diatas sahaja yang boleh menghadiri. Sila bawa Cop Syarikat semasa pendaftaran Taklimat dan Lawatan Tapak dan semasa membeli dokumen sebutbarga

Perihal iklan :-

- i) Mulai 1 Januari 2018, pembelian dokumen sebutbarga adalah dibuat secara atas talian (**ONLINE**) dengan melayari web : iperolehan.mpkluang.gov.my. Kontraktor dikehendaki hadir ke kaunter Jabatan Kejuruteraan untuk proses pendaftaran sebelum boleh membuat proses pembelian.
- ii) Senaskah dokumen sebutbarga dijual dengan harga **RM200.00 untuk kerja G3**.
- iii) Dimaklumkan bahawa berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025, semua syarikat yang menyertai perolehan kerajaan adalah **DIWAJIBKAN** melampirkan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC) bersama-sama dokumen sebutbarga/ tender. Kegagalan melampirkan sijil berkenaan akan menyebabkan sebutbarga/ tender tidak dipertimbangkan
- iv) Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wang kiriman pos berpaling (*postal order*) dan di bayar atas nama **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**. Wang tunai atau cek tidak boleh diterima selaras dengan ketetapan 1PP-PK2 perenggan 8 (iii) (e) (5)
- v) Satu (1) Penyebutharga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebutbarga sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan. Sekiranya Penyebutharga mempunyai tawaran alternatif, sebutbarga tersebut hendaklah ditolak.
- vi) Pendaftaran dan pembaharuan lesen, penyebutharga dikehendaki membawa Sijil Asal beserta salinan untuk Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil ASAL SPKK (Sijil Perolehan Kerja Kerajaan) oleh CIDB, Sijil Perakuan Pendaftaran oleh CIDB, Sijil Asal Taraf Bumiputera oleh PKK yang masih SAH TEMPOH LAKUNYA dan Kad Pengenalan pemilik syarikat dan Cop Syarikat bagi pendaftaran lesen dan pembaharuan lesen syarikat.
- vii) Penyebutharga juga dikehendaki membawa **PENDAFTARAN SSM ASAL** untuk penyemakan kawasan pendaftaran syarikat.
- viii) Dokumen Sebutbarga yang telah lengkap dan sempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat beraktri dan dinyatakan No.Sebutharga serta Tajuk Kerja dipenjurukan kanan sampul sebelum dimasukkan ke dalam Peti Sebutbarga seperti tertera di atas.
- ix) Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- x) Penyebutharga adalah dinasihatkan supaya melawat dan meninjau tapak bina sebelum memasuki tawaran sebutbarga. Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan ke dalam butiran lain dan haruslah dilaksanakan.


 (MOHD FAHMY BIN YAHYA K.B.; P.A.)
 Yang Dipertua
 Majlis Perbandaran Kluang

Tarikh Iklan: 11/02/2026